

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATUK LIANG TECK MENG
[SIMPANG RENGAM]**

SOALAN :

YB Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) bagaimanakah pelan tindakan yang diambil oleh Kerajaan dalam menangani insiden banjir besar baru-baru ini; dan
- (b) apakah perkembangan yang dirancang menerusi program khusus atau projek tertentu dalam memastikan Kerajaan lebih bersedia dalam menghadapi banjir memandangkan saban tahun negara menghadapi masalah ini.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kejadian banjir yang telah berlaku tersebut, beberapa isu telah dikenal pasti dan memerlukan penambahbaikan menyeluruh, antara lain, adalah seperti berikut:

- a) meningkatkan kompetensi dan kemahiran kepimpinan dalam agensi dan jawatankuasa di peringkat daerah, negeri serta pusat seperti kaedah perintah dan kawalan serta persediaan peruntukan perbelanjaan ketika banjir;
- b) membangunkan keupayaan sistem amaran awal yang lebih tepat dan berkeupayaan memberi amaran awal dalam tempoh masa yang lebih lama;
- c) meningkatkan keupayaan aset dan logistik yang bersesuaian bagi penggunaan operasi mencari dan menyelamatkan dalam keadaan bencana ekstrem antaranya penggunaan bot-bot kecil dan berkeupayaan tinggi, *amphibious vehicle* serta helikopter yang berkeupayaan untuk beroperasi dalam situasi yang lebih serius;
- d) menempatkan pegawai berkemahiran dalam pengurusan bencana terutama sekali di peringkat daerah dan negeri bagi memastikan bencana dapat diselaras dan dikendalikan dengan lebih berkesan; dan
- e) bagi tempoh sederhana dan panjang, Kerajaan akan membina projek-projek pencegahan banjir terutama bagi projek-projek yang

mampu menghasilkan pendapatan seperti pembinaan empangan yang boleh menjana bekalan elektrik.

Kerajaan juga sedang mengkaji model terbaik pengurusan bencana yang dipraktikkan oleh beberapa negara yang sering dilanda malapetaka untuk diadaptasi dan digunakan di Malaysia.

Peraturan Tetap Operasi (PTO) Pengendalian Bencana Banjir dan Prosedur Operasi Standard (SOP) agensi pelaksana yang sedia ada juga akan dikaji, disemak serta dikemaskini supaya berkeupayaan dalam menghadapi situasi banjir yang ekstrem.

Kerajaan juga secara berterusan akan menyediakan peruntukan bagi pembangunan melalui Unit Perancang Ekonomi di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun. Bagi tahun ini sahaja, sejumlah RM 893 juta telah disediakan di bawah Bajet 2015 untuk pembinaan projek rancangan tebatan banjir di seluruh negara bagi mengurangkan impak banjir terutama sekali di kawasan-kawasan berisiko. Manfaat ini telah dapat dilihat melalui pembinaan rancangan tebatan banjir yang telah mengurangkan kesan banjir di Kota Tinggi, Johor dan di Kuching, Sarawak.

Sebagai kesimpulan, perlu ditegaskan bahawa sebarang bentuk pembangunan mestilah bersifat lestari dan mampan. Ia merangkumi pelaksanaan projek-projek pembangunan, perlombongan, pembukaan tanah dan pembalakan. Sesungguhnya, pembangunan yang tidak mementingkan kelestarian alam sekitar akan membawa mudarat kepada manusia. Inilah pengajaran yang paling penting daripada bencana banjir besar yang lalu.

Sekian. Terima kasih.